

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bersetuju untuk menggabungkan kepakaran dalam bidang pengurusan dan kejuruteraan bagi melahirkan modal insan negara di utara tanah air ini.

Gabungan kepakaran itu mendapat persetujuan daripada Naib Canselor UUM, Prof Dato' Dr Mohamed Mustafa Ishak dan Naib Canselor UniMAP, Brigedier Jeneral Dato' Prof Dr Kamaruddin Hussin.

Persetujuan kerjasama pelbagai bidang itu dicapai dalam pertemuan dan lawatan kerja pengurusan tertinggi UUM ke kampus tetap UniMAP di Hulu Pauh dan Kangar di sini, semalam.

Antara bidang kerjasama membabitkan aspek akademik, penyelidikan, pertukaran pelajar dan staf akademik serta pentadbiran serta program kebudayaan dan sukan antara dua universiti ini.

Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, bidang tumpuan kerjasama membabitkan kerjasama sinergi antara UUM dalam bidang pengurusan dan UniMAP dalam bidang kejuruteraan yang mempunyai kekuatan masing-masing.

"Kita akan berkongsi *resources* antara dua universiti untuk digunakannya bagi kepentingan bersama memandangkan faktor kedudukan dan jarak dua universiti ini yang hanya 15 kilometer akan menambah kekuatan kerjasama kedua-dua belah pihak," katanya.

Beliau berkata, ini adalah lawatan pertama UUM ke UniMAP selepas Amanat Tahun Baru 2011, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang menegaskan keperluan penggabungan kepakaran antara universiti di utara tanah air bagi menggembelng kekuatan bidang masing-masing.

"Gabungan itu membabitkan UniMAP dan UUM serta Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pulau Pinang, yang masing-masing sebelum ini bersaing menawarkan program pascasiswazah perniagaannya boleh dilihat sebagai usaha yang baik.

"Kaedah pengabungan itu dilihat boleh menjimatkan peruntukan dan tenaga serta meningkatkan efisiensi kerana perkongsian kepakaran atau sumber dapat dilaksanakan secara total dan strategik," katanya.

Mustafa berkata, kedua-dua belah pihak akan duduk semeja untuk meneliti beberapa cadangan kerjasama dalam semua bidang antara dua universiti termasuk usaha sama menubuhkan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang menawarkan bidang pengurusan dan teknikal di peringkat diploma.

"Kita juga berminat mengadakan promosi di luar negara secara bersama bagi membolehkan kedua-dua universiti yang mempunyai kepakaran berbeza ini dapat diwar-warkan di luar negara," katanya.

Katanya, bidang lain yang akan menjadi tumpuan kerjasama ialah keusahawanan, penganjuran seminar antarabangsa dan gunasama kemudahan perpustakaan dan kemudahan lain.

Habis

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my